

PERATURAN PERTANDINGAN TARIK TALI PESTA PANTAI BAGAN LALANG 2017

1. AM

Pertandingan ini dinamakan **PERTANDINGAN TARIK TALI PESTA PANTAI BAGAN LALANG 2017**.

2. PENGELOLA

Kejohanan ini dikelolakan oleh Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

3. PENDAFTARAN DAN YURAN PENYERTAAN

3.1 Pendaftaran & pembayaran yuran boleh di lakukan pada **9 September 2017 pada jam 9 pagi sehingga 5 petang atau pada 10 September 2017 pada jam 7.00 pagi sehingga 9 pagi**

3.2 Yuran penyertaan adalah RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh ringgit Sahaja) / Pasukan. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai.

3.3 Setiap pasukan dikehendaki mendaftar tidak lebih dari sepuluh **(10) orang pemain (8 penarik dan 2 simpanan)** menggunakan borang *online* yang disediakan.

3.4 Jumlah berat maksima sebanyak **640kg/ 8 penarik (tertakluk kepada pertimbangan urusetia)**

3.5 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

3.6 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

3.7 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.

4. TIMBANGAN BERAT PESERTA

Timbangan rasmi akan dibuat pada tarikh pertandingan dijalankan. (WAJIB)

5. **TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN**

Tarikh Pertandingan Tarik Tali Pesta Pantai Bagan Lalang adalah pada **10 September 2017 (Ahad)** dan tempat pertandingan adalah di **Pantai Bagan Lalang (Rujuk di Kaunter Pendaftaran Pusat)**.

6. **FORMAT PERTANDINGAN**

- 6.1 Lapan (8) orang sahaja yang akan mengambil bahagian dan dua (2) orang pemain simpanan.
- 6.2 Cara Penentuan Pemenang :
 - a) Sekiranya tali riben yang telah diikat di tengah-tengah melepasi penanda garisan yang telah ditetapkan, maka pasukan tersebut dikira menang.
 - b) Jika kedua-dua pasukan mendapat bilangan mata seri, pasukan dibenarkan berehat selama 5 minit sebelum tarikan ketiga dimulakan.
 - c) Jika terdapat lebih daripada 1 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, satu tarikan ulangan (sebanyak satu tarikan) akan dijalankan untuk menentukan pemenang.
 - d) Keputusan hakim dan juri adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan dikenakan **BAYARAN sebanyak RM 500.00**

7. **ARAHAN SEMASA ACARA**

- 7.1 Pengadil tengah akan memberi arahan berikut :-
 - 7.1.1 ANGKAT TALI
 - 7.1.2 TEGANGKAN TALI
 - 7.1.3 SEDIA
 - 7.1.4 Tiupan wisel pendek – MULA
 - 7.1.5 Tiupan wisel panjang – TARIKAN TAMAT
 - 7.1.6 Tiupan wisel berturut-turut – TARIKAN DIBATALKAN / *NO PULL*

8. PERATURAN PERTANDINGAN

- 8.1 Gelanggang pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, gelanggang akan mengandungi **tiga (3)** garisan, jarak antara garisan adalah **empat (4)** meter. Satu permainan tiga pusingan sahaja.
- 8.1 Pasukan yang menang dua tarikan berturut-turut akan mendapat 3 mata.
- 8.2 Pasukan yang kalah akan mendapat 0 mata.
- 8.3 Tetapi, jika dalam perlawanan tersebut memerlukan tarikan yang ketiga
 - i. Pasukan yang menang hanya akan mendapat 2 mata.
 - ii. Pasukan yang kalah akan mendapat 1 mata.
- 8.4 Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan/kecelakaan yang dialami semasa pertandingan dijalankan.

9. PAKAIAN

- 9.1 Semua pemain mestilah memakai pakaian sukan yang sesuai bagi setiap pasukan yang bertanding.
- 9.2 Tiada sebarang alas, sarung tangan atau apa-apa alat bantuan pada tangan (termasuk plaster – kecuali disahkan oleh pegawai perubatan).
- 9.3 Setiap penarik di dalam pasukan adalah tidak dibenarkan memakai kasut.